



# **MAJLIS PERASMIAN PAMERAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN FOTOGRAFI 'IMEJ KEHIDUPAN DAN KESEJAHTERAAN UiTM-RISDA 2008**

**TALKING POINTS**

**DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA**

GALERI SENI UiTM ,FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA,  
KAMPUS UiTM MELAKA,

29 FEBRUARI 2008  
9.00 pagi

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mizan bin Hitam,  
Pengarah Kampus UiTM Melaka,

Yang Berbahagia Prof. Madya Sabariah Mahat  
Timbalan Pengarah Kampus Hal Ehwal Akademik

Yang dihormati En. Baharim Samuri @Khusil,  
Timbalan Pengarah Kampus Hal Ehwal Pelajar

En. Rosli Zakaria  
Ketua Koordinator,Program Seni Lukis dan Seni Reka

Prof. Madya Ariffin Ismail  
Kurator Galeri Seni UiTM

En. Ahmadrashidi bin Hasan,  
Pengurus Pameran dan Pertandingan 'Imej Kehidupan dan Kesejahteraan RISDA-UiTM 2008',

Panel Hakim Pertandingan,- En. Shaharin Sulaiman  
- En Elias Alwi  
- En Che Nazir Che Haron

Ketua-Ketua Jabatan UITM, Koordinator-Koordinator Program  
serta pensyarah-pensyarah

Pengarah-pengarah Bahagian RISDA

Pengarah RISDA Negeri Melaka, Pengetua Kolej RISDA Melaka

Tuan-Tuan dan Puan-Puan peserta pertandingan

3

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

## **1.0 PENGHARGAAN**

Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, dapat kita hadir bersama-sama dalam Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi 'Imej Kehidupan dan Kesejahteraan RISDA-UITM 2008' pada hari ini. Salam harmonis dan salam muhibbah dari warga RISDA kepada Warga UITM. Semoga Majlis ini dapat dijadikan sebagai

4

platform kepada RISDA dan UITM untuk sama-sama merancang dan melaksanakan lebih banyak lagi program di masa akan datang, insyaAllah. Bagi pihak RISDA, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Professor Madya Dr. Mizan bin Hitam, Pengarah Kampus UITM Melaka kerana sudi bekerjasama dengan RISDA untuk mengadakan Pertandingan Fotografi yang bertemakan 'Imej Kehidupan keluarga pekebun kecil getah yang gigih, cekal dan sejahtera' di kalangan pelajar-pelajar jurusan fotografi dan mass communications UITM.

## **2.0 LATAR BELAKANG PERTANDINGAN**

Tujuan RISDA untuk mengadakan pertandingan ini adalah untuk memperolehi koleksi gambar-gambar kehidupan dan kesejahteraan keluarga pekebun kecil yang berkualiti dan ada unsur-unsur seni untuk dimuatkan dalam penerbitan-penerbitan RISDA dan juga untuk pameran di Galeri RISDA. Kalau RISDA sendiri yang menganjurkan pertandingan di kalangan orang RISDA sendiri, kemungkinan kita akan dapat gambar-gambar yang ada dalam 'thinking box' warga RISDA sendiri dan tidak dapat gambar-gambar 'out of the box'. Mind set warga RISDA hanya akan melihat apa yang telah di lihat bertahun-tahun. UITM

terkenal dengan profesionalisme dan creativity pelajar-pelajarnya, dan UITM kampus Melaka pula terkenal dalam bidang fotografi. Itulah sebab RISDA memilih UITM Melaka untuk menganjurkan Pertandingan ini. Hasilnya memang amat memuaskan.

### **3. PESERTA PERTANDINGAN FOTOGRAFI**

Pada hari ini, saya amat berbangga dapat menemui para peserta pertandingan. Saya difahamkan seramai 150 orang pelajar telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Saya amat menghargai usaha anda semua. Tanpa penyertaan anda semua tidak mungkin RISDA akan memperolehi gambar-gambar yang

7

dikehendaki. Saya percaya anda semua berbakat dalam seni fotografi. Kecanggihan kamera hanya dapat membantu mendapatkan mutu gambar yang baik sahaja. Kecanggihan kamera tidak mempunyai kaitan dengan kreativiti dan seni fotografi. Kedua-dua aspek ini masih lagi di kuasai oleh kuasa oleh kuasa imaginasi manusia. Seperti yang dinyatakan dalam pepatah inggeris 'A picture speaks a thousand words' . Satu gambar boleh menceritakan pelbagai perkara. Untuk mendapatkan gambar yang baik, seorang jurugambar harus menjadi seorang seniman yang tahu menghayati seni. Ini memerlukan ketajaman bukan sahaja akal tetapi panca indera dan deria-deria yang lain. Dia mungkin

8

lebih canggih dan tinggi dibandingkan dengan seorang pelukis. Ini disebabkan jurukamera tidak dapat menghadkan objek yang diambilnya dengan begitu mudah seperti seorang pelukis. Dia harus menerima objek yang telah sedia ada dan mengubahnya menjadikan suatu objek seni yang baik. Hal ini hanya dapat digarap oleh jurugambar yang berpengalaman sahaja.

Anda semua telah mengambil gambar-gambar yang sebaik mungkin, terima kasih.

*Adat orang berniaga, ada masanya untung, ada masanya rugi,  
Adat bertikam, ada yang hidup, ada yang mati,*

9

*Adat bermain, ada yang kalah, ada yang menang,  
Adat berladang, kadang-kadang tumbuh, kadang-kadang tidak  
menjadi,  
Adat berkayuh, ada masa mudik, ada masa hanyut,  
Adat memanjat, ada masa lepas, ada masa jatuh,  
Adat bertanding, ada yang menang, ada yang tewas  
Jangan kecewa, cuba lagi.....*

#### **4. MEMPERKENALKAN RISDA**

Sekarang ini musim pilihan raya. Di sana sini orang tengah sibuk berkempen. Saya pun mengambil peluang ini untuk berkempen, tetapi bukan untuk mana-mana calon tetapi berkempen untuk memperkenalkan RISDA kepada warga UITM serta para pelajar sekalian. Bukan selalu kita berpeluang berdepan dengan warga UITM dan tidak selalu juga warga UITM dapat berjumpa dengan warga RISDA. Bak kata pepatah melayu 'Tak kenal maka tak cinta'. Oleh itu eloklah saya memberi gambaran sedikit mengenai fungsi dan objektif RISDA. RISDA adalah singkatan kepada 'Rubber Industry Smallholders Development

11

Authority'. RISDA merupakan sebuah badan berkanun persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan ditubuhkan pada 1 Januari 1973.

#### **Fungsi RISDA adalah**

- i. Mengurus dan mengendalikan Rancangan Tanam Semula
- ii. Mentadbir Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman semula)
- iii. Merancang dan melaksanakan segala inovasi bagi sektor pekebun kecil

12

## **Tanggungjawab**

- i. Melaksanakan penanaman semula dan penanaman baru dengan klon-klon baru yang boleh mengeluarkan hasil yang tinggi melalui amalan agronomi yang baik
- ii. Memastikan sektor pekebun kecil dimodenkan dari segala segi bagi memperbaiki keadaan ekonomi pekebun kecil
- iii. Melaksanakan pembaharuan pertanian yang dihasilkan dari penyelidikan
- iv. Bekerjasama dengan agensi lain yang bertanggungjawab dalam penyelidikan, pengembangan, pinjaman pertanian,

13

pemprosesan dan pemasaran getah bagi mempercepatkan proses modernisasi sektor pekebun kecil

- v. Mendapat dan menyimpan perangkaan-perangkaan yang perlu berhubung dengan pembangunan sektor pekebun kecil
- vi. Melaksanakan program-program pembangunan masyarakat luar bandar bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

## **Objektif**

Pekebun kecil memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM 2,000.00 sebulan sekeluarga menjelang akhir tahun 2010.

14

## 5. KERJASAMA RISDA-UITM

Pengurusan RISDA akan sentiasa memberi ruang dan peluang serta kerjasama kepada semua lapisan pegawai dan pelajar UITM untuk berurusan dengan RISDA, Menjalani latihan, mempelajari bidang getah, melaksanakan R & D dan juga apa-apa kajian mengenai masyarakat pekebun kecil. Anda semua amat dialu-alukan ke RISDA.

15

## 5. PENUTUP

*Ada pangkal,ada hujungnya*

*Ada tengah,ada tepinya*

*Ada laut ada pantainya*

*Ada malam ada subuhnya*

*Ada hulu ada muaranya*

*Ada kepala ada ekornya*

16



*Ada mula ada akhirnya*

*Ada awal ada penyudahnya*

*Ada pintu ada tirainya*

*Ada periuk ada tudungnya*

*Ada pembuka ada penutupnya....*

Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Professor Madya Dr. Mizan serta semua pegawai UITM yang telah bekerja kuat untuk menjayakan

17

pertandingan fotografi ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan.

**Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’, saya merasmikan Majlis Pameran dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi ‘Imej Kesejahteraan’ Pekebun kecil anjuran bersama UITM dan RISDA.**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.**

18